

Kempen Beli Barang Buatan Malaysia

# Jualan lebih RM3.1j dalam 2 bulan

Kejayaan luar biasa inisiatif KPDNHEP pamer 3,500 produk

Oleh Suhaila Shahrul Annur  
suhaila.shahrul@bh.com.my

**Putrajaya:** Kempen Beli Barang Buatan Malaysia (KBBM) diterajuji Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mencapai kejayaan luar biasa apabila kerjasamanya dengan platform e-dagang, Shopee, berjaya memperoleh jualan lebih RM3.1 juta sejak dilancarkan dua bulan lalu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata dalam tempoh 66 hari iaitu setakat 30 November lalu, Shopee sudah memperkenalkan 3,500 produk buatan Malaysia daripada pelbagai kategori melalui halaman koleksi Barangan Buatan Malaysia.

"Purata pesanan harian bagi barang buatan tempatan yang dijual melalui halaman koleksi ini meningkat 280 peratus kepada RM47,074.52 sehari berbanding

RM12,381 sehari sebelum kami melancarkan KBBM pada platform e-dagang itu.

"Pada 11 November lalu ketika berlangsungnya Shopee 11.11 Big Sale saja, urus niaga yang membabitkan produk buatan Malaysia mencatat jualan berjumlah kira-kira RM500,000 dalam sehari," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, keberhasilan ini dicapai kerana KPDNHEP sangat jelas mengenai strateginya untuk memanfaatkan kerancakan urus niaga e-dagang menjelang tempoh akhir tahun.

"Apabila KBBM dilancarkan se-



Saifuddin Nasution Ismail

mula tahun ini, matlamat utama KPDNHEP adalah memastikan produk tempatan sentiasa menjadi pilihan utama di kalangan

pengguna.

"Kami percaya bahawa dengan cara itu, mereka akan mengutamakan produk Malaysia dan menjadikannya tabiat gaya hidup orang Malaysia.

"Kami juga percaya sebilangan rakyat Malaysia yang masih tidak menyokong barang yang dihasilkan di negara ini tidak menyadari bahawa negara kita juga menghasilkan pelbagai barang berkualiti, yang tahan lama, mampu dimiliki dan bertaraf eksport," katanya.

Katanya, antara beberapa jenama Malaysia yang kini diiktiraf di peringkat antarabangsa adalah

termasuk Old Town White Coffee, Munchy's, Getha dan Khind.

"Inisiatif Shopee meletakkan produk buatan Malaysia sebaris dan setaraf dengan nama antarabangsa membantu kami memperkenal dan mempromosikan produk buatan Malaysia sekali gus membuktikan bahawa strategi untuk bekerjasama di platform e dagang ini terbukti tepat.

"Keputusan yang memberangsangkan ini turut memberi inspirasi kepada KPDNHEP untuk menggandakan usaha untuk mengakhiri 2019 dengan lebih cemerlang.

"Oleh itu, KPDNHEP menggesa agar seluruh rakyat Malaysia untuk terus menyokong kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia ini dan layari halaman koleksi Buatan Malaysia di [www.shopee.com/buatanmalaysia](http://www.shopee.com/buatanmalaysia) pada 12.12 Birthday Sale ini untuk mendapatkan diskaun dan baucar istimewa bagi produk buatan Malaysia kegemaran anda.

"Bagi penjaja dan peniaga tempatan yang ingin memaparkan produk di halaman koleksi Shopee Buatan Malaysia, anda boleh mengisi borang yang boleh dimuat turun dari <http://bit.ly/ShopeeKBBM> dan kakitangan Shopee akan menghubungi untuk membantu anda," katanya.

## Harga RON97 turun 2 sen; RON95, diesel kekal

**Putrajaya:** Harga runcit petrol RON97 turun 2 sen kepada RM2.64 seliter manakala RON95 dan diesel masing-masing kekal RM2.08 dan RM2.18 seliter, mulai hari ini.

Kementerian Kewangan menerusi satu kenyataan, berkata harga runcit produk petrol itu adalah bagi tempoh 7 Disember hingga 13 Disember ini.

"Berdasarkan pengiraan di bawah formula Mekanisme Peningkatan Harga Automatik (APM),

harga runcit produk petrol RON95 dan diesel bagi tempoh yang sama sepertutnya masing-masing adalah RM2.34 dan RM2.30 seliter.

"Ini menunjukkan penurunan dari minggu lalu bagi harga runcit produk petrol RON95 yang berada pada paras RM2.36 seliter, manakala kenaikan bagi harga runcit produk diesel yang berada pada paras RM2.29 seliter.

"Namun, harga runcit bagi kedua-dua produk adalah dikekalkan

kan pada paras RM2.08 seliter dan RM2.18 seliter selaras dengan keputusan Kerajaan untuk menstabilkan harga runcit bagi produk petroleum dan menjaga kesejahteraan ekonomi rakyat.

"Dengan pengekalan harga runcit bagi kedua-dua produk ini, anggaran subsidi yang perlu ditanggung oleh kerajaan bagi tempoh 7 Disember hingga 13 Disember ini adalah berjumlah RM107.40 juta," katanya.